



**DR. ASMA Ismail (empat dari kanan) menyempurnakan simbolik penyerahan surat pelantikan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) kepada Dr. Hajah Mustafa Mohd. Hanefah di Seremban, semalam.**

## Dr. Hajah Mustafa dilantik TNC Penyelidikan dan Inovasi USIM

SEREMBAN 7 Mei - Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd. Hanefah telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) pertama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selama tiga tahun bermula 15 April lalu.

Pelantikan itu mencerminkan pengiktirafan oleh Kementerian Pengajian Tinggi kepada universiti berkenaan dalam bidang penyelidikan dan inovasi khususnya berkaitan Sains Islam yang dipelopori secara serius oleh para penyelidik USIM.

Beliau mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang perakaunan bermula dari Universiti Kebangsaan Malaysia (B. Acct ; 1985), kemudian ke University of Wollongong, Australia (M. Accy ; 1988) dan memperolehi Doktor Falsafah (Ph.D) dari University of Memphis, Tennessee, Amerika Syarikat pada

1997.

Pelantikan itu juga selari dengan pengalaman luas beliau bukan sahaja dalam penulisan ilmiah malah dalam pengurusan dan pentadbiran.

Simbolik penyerahan surat pelantikan oleh Menteri Pengajian Tinggi kepada beliau telah disempurnakan oleh Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail baru-baru ini.

Dr. Hajah Mustafa sebelum dilantik ke jawatan baharu itu pernah menjawat beberapa jawatan penting di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Selepas berhijrah ke USIM, pengurusan universiti ketika itu melantik beliau menjadi Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat mulai 2007 hingga 2010 sebelum menjawat jawatan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) USIM sejak tahun 2010.

Beliau telah memainkan peranan penting dalam mentransformasi dan memperkembangkan pengurusan penyelidikan para pensyarah di universiti tersebut sejak mengetuai Jabatan Penyelidikan dan Inovasi USIM.

Penubuhan beberapa pusat tanggungjawab seperti Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersialan (PHIP), Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) dan Pusat Kecermerlangan (COE) yang diletakkan di bawah pentadbiran beliau semasa menjadi Dekan Penyelidikan dan Inovasi telah memperlihatkan kemajuan yang pantas.

Selain itu, hasil penyelidikan USIM juga semakin bertambah baik dari segi kualiti dan kuantiti dengan menggondol pelbagai anugerah dalam pameran penyelidikan yang disertai universiti sama ada di dalam mahu pun luar negara.